

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Thursday, January 9, 2020 8:52 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** UUM Terima Kemasukan Pelajar Baharu Semester Januari Sesi 2019/2020



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

9 JANUARI 2020 / 13 JAMADILAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee & Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie & Syazani Marzuki

### UUM TERIMA KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEMESTER JANUARI SESI 2019/2020



**UUM ONLINE:** UUM telah menerima kemasukan pelajar pasca siswazah yang baharu bagi Semester 192 (Januari) Sesi 2019/2020, semalam.

Pendaftaran pelajar itu melibatkan tiga sekolah pasca siswazah iaitu Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) dan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHS GS).

Proses pendaftaran pelajar bagi mengikuti program di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah yang bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari itu berjalan lancar.

Dekan OYAGSB, Prof Dr. Shahizan Hassan berkata, bagi kemasukan kali ini, 156 surat tawaran telah dikeluarkan untuk mengikuti program pengajian dalam pelbagai bidang.

Menurutnya, program tersebut ialah Pentadbiran Perniagaan, Kewangan dan Perbankan, Percukaian, Pengurusan Sumber Manusia, Ekonomi Islam, Pengajian Perniagaan Islam,

Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Perakaunan, Pengurusan Teknologi dan Logistik, Pengurusan Operasi, dan Pemasaran.

Katanya, daripada jumlah itu, mereka terdiri 81 pelajar tempatan dan 75 pelajar antarabangsa dari China, Nigeria, Thailand, Indonesia, Pakistan, Algeria, Somalia dan Iraq.

Sementara itu, Dekan AHS GS, Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu serta melahirkan penghargaan kerana telah memilih UUM sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian.

“Saya berharap agar pelajar dapat menimba pengalaman berharga dan menggunakan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya serta menjaga kesihatan diri dalam menuntut ilmu.

“Saya juga berharap pelajar dapat melibatkan diri dengan aktiviti universiti dan pusat pengajian untuk mengasah kemahiran insaniah dan membina jaringan,” katanya.

Seramai 105 pelajar terdiri 82 pelajar di peringkat sarjana dan 23 doktor falsafah yang mendaftar bagi mengikuti program pengajian di tujuh pusat pengajian di bawah UUM CAS.

Di GSGSG pula, para pelajar mendaftar bagi mengikuti pengajian dalam bidang yang ditawarkan seperti *International Studies*, *Strategic Studies*, *Public Management*, *Public Administration*, *Law And Commercial Law* dan *Tourism Management*.

Sesi pendaftaran ini turut membabitkan pelajar antarabangsa dari Nigeria, China, Afrika, Pakistan dan Indonesia.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.